

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : **16 JUN 2014**

SOALAN : **Y.B TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN** minta menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keharmonian kaum/agama dan tindakan yang diambil terhadap mereka yang menghasut kebencian kaum/agama.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak 9 Februari 2010. Berpandu kepada Perlembagaan Persekutuan dan semangat keterangkuman (inclusiveness) mengikut gagasan 1Malaysia, ianya berfungsi sebagai satu mekanisme untuk berdialog, berunding dan menyelesaikan isu-isu antara penganut agama. Empat (4) jawatankuasa kerja diwujudkan untuk memupuk persefahaman terhadap isu-isu antara penganut agama, menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Di samping mesyuarat dan forum formal melalui JKMPKA, pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin agama juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan dan kegiatan bersama dan galakan dan bantuan JPNIN. Antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dan sering terlibat termasuklah Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN), Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism (MCCBCHST), Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia Inter-Faith Network, Global Peace Foundation dan Cheng Ho Multi Cultural & Education Trust.

Kerajaan Persekutuan, melalui Pejabat Perdana Menteri, dari masa ke semasa, telah dan masih memberi peruntukan dalam bentuk geran atau bekalan kepada pelbagai pertubuhan keagamaan, tokong, kuil, gereja dan tempat-tempat beribadat bukan Islam yang lain, mengikut permintaan dan keperluan. Di samping itu, kerajaan negeri atau tempatan juga memberi bantuan dalam pelbagai bentuk.

Putera Ghazi dari Jordan pada bulan Oktober 2010 pula telah mengemukakan satu resolusi UN untuk menjadikan minggu pertama bulan Februari sebagai World Interfaith Harmony Week (WIHW). Kerajaan Malaysia menyahut baik cadangan ini dengan mengadakan dan menyokong beberapa aktiviti dan program, termasuklah Program Harmony Walk bersama YAB Perdana Menteri Malaysia ke rumah-rumah ibadat pelbagai agama di sekitar Brickfields, Kuala Lumpur pada 2 Februari 2013, dan juga di peringkat akar umbi yang melibatkan Rukun Tetangga dan persatuan penduduk. Dan pada tahun 2013, Malaysia telah memenangi hadiah tempat ketiga di peringkat antarabangsa dalam Pertandingan World Interfaith Harmony Week (WIHW) 2013 yang dianjurkan oleh The Royal Aal Al-Bayt Institute for Islamic Thought, Jordan.

Pada tahun 2014 pula, Program Harmony Travelogue bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup ke rumah-rumah ibadat pelbagai agama di sekitar Kota Kinabalu, Sabah telah diadakan pada 8 Februari 2014 yang juga melibatkan pemimpin agama setempat, masyarakat di peringkat akar umbi dan persatuan penduduk.

Maka, jelaslah bahawa hubungan di antara kaum untuk tujuan mengekal dan mengukuhkan kedamaian di antara agama di Malaysia adalah melalui proses pergaulan, perbincangan dan penyertaan dalam pelbagai forum, perbincangan dan aktiviti bersama yang bermakna. Ianya memerlukan semangat keterangkuman (inclusiveness), sikap positif dan terbuka, serta pendekatan membina dari semua pihak mengikut Gagasan 1Malaysia.